

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	1 July 2015

Najib saksi perjanjian bina Lebuhraya Pan Borneo

um-1/7/2015

PUTRAJAYA 30 Jun - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menyaksikan majlis menandatangani perjanjian pembinaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Sarawak dan syarikat Lebuhraya Borneo Utara Sdn. Bhd di Bangunan Perdana Putra di sini.

Dalam majlis tersebut, Kerajaan Persekutuan diwakili oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Datuk Seri Zohari Akob; Kerajaan Sarawak diwakili oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Morshidi Abdul Ghani manakala syarikat Lebuhraya Borneo Utara diwakili oleh Pengerusinya, Tan Sri Abang Ahmad Urai Datuk Hakim Abang Mohideen.

Yang turut menyaksikan detik bersejarah itu ialah Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof; menteri-menteri Kabinet dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa.

Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2014 telah mengumumkan pelaksanaan projek lebuhraya tersebut sepanjang 2,239 kilometer yang disasar menjadi penghubung bandar-bandar utama Sabah dan Sarawak dengan anggaran kos sebanyak RM27 bilion.

Dalam pada itu menurut satu kenyataan Kementerian Kerja Raya, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan

Sarawak dan syarikat Lebuhraya Borneo Utara telah memuktamadkan rundingan perjanjian bagi pelaksanaan projek fasa satu lebuhraya itu membabitkan jajaran sepanjang 773 kilometer.

Kata kenyataan itu, berdasarkan perancangan pembinaan fasa satu akan dimulakan dengan pakej Telok Melano ke Sematan sepanjang 33 kilometer seawal bulan September depan.

"Pakej itu melibatkan pembinaan jajaran baharu satu lorong dua hala untuk menghubungkan pekan kecil dan beberapa perkampungan di kawasan Telok Melano yang kini hanya boleh dihubungkan melalui jalan laut," kata kenyataan itu.

Secara keseluruhannya fasa pertama projek melibatkan jajaran Telok Melano ke Sematan (33 kilometer), diikuti jajaran Sematan hingga Miri (746 kilometer) dan fasa seterusnya membabitkan jajaran Limbong-Lawak-Merapok (103 kilometer).

Kenyataan tersebut turut memaklumkan komponen permulaan (kick off) projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak membabitkan jajaran Nyabau ke Bakun (43 kilometer) dan telah dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 31 Mac lalu juga merupakan sebahagian daripada jajaran keseluruhan lebuhraya berkenaan iaitu 1,090 kilometer.

"Jajaran Nybau ke Bakun akan

dinaik taraf kepada empat lorong dua hala dengan standard piawai R5. Kerja-kerja menaik taraf komponen tersebut kini sedang giat dijalankan," menurut kenyataan itu.

Kenyataan tersebut turut memberitahu, pelaksanaan projek tersebut adalah menerusi kaedah *project delivery partner* iaitu sama seperti cara yang digunakan dalam projek Transit Aliran Massa (MRT).

"Pembiayaan projek akan dibuat sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan melalui dana infra. Model yang serupa telah digunakan dalam pelaksanaan projek MRT dan pendekatan ini dipilih kerana lebih menjimatkan dan mengurangkan kos pembiayaan kerajaan.

"Pada masa sama seperti mana model MRT, kaedah ini adalah diyakini lebih efektif dan berkesan," menurut kenyataan itu lagi.

Dalam projek pembinaan lebuhraya itu, kenyataan tersebut turut memaklumkan syarikat Lebuhraya Borneo Utara telah dilantik sebagai PDP untuk menguruskan dan menyelia pelaksanaan projek berkenaan.

Sementara itu Adenan ketika ditemui berkata, Lebuhraya Pan Borneo akan memberi manfaat kepada Sarawak dan Sabah sebagaimana hasil yang diperoleh selepas pembinaan Lebuhraya Utara Selatan di Semenanjung.